

Headline	Bakal jadi tarikan unik		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	09 Dec 2016	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	20,000
Page No	40	Readership	60,000
Language	Malay	ArticleSize	688 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,819
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,458



Bakal jadi tarikan unik

Pokok Tualang berusia kira-kira 500 tahun ditemui di Kampung Kuala Wau

CHENOR - Siapa sangka Kampung Kuala Wau yang terletak sejauh 70 kilometer dari bandar Maran ini menyimpan khazanah tersembunyi paling berharga kepada penduduk negeri Pahang.

Ini kerana, terdapat sebatang pokok Tualang sebesar lebih 20 pemeluk dewasa dianggarkan berusia 500 tahun oleh wakil dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) berdasarkan kulit dan kondisinya.

Penghulu Mukim Luit 2, Saharil Apindi berkata, kedatangan FRIM baru-baru ini bagi menjalankan kajian terhadap pokok Tualang tersebut menambahkan lagi keyakinan penduduk bahawa ia satu khazanah negara yang membanggakan Kampung Kuala Wau.

"Tengok luaran saja kita sudah boleh anggarkan yang pokok ini berusia lebih ratusan tahun. Namun secara spesifik, umurnya belum diketahui.

"Pokok ni sangat besar dan tinggi serta simpan pelbagai cerita suka duka Kampung Kuala Wau. Malah cerita sebelum merdeka lagi," katanya, ketika ditemui pada Majlis Menghubung Menyatu, anjuran Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, kelmarin.

Sementara itu, Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Pahang (Pentadbiran), Mohd Shari Md Pilus, 67, berkata, kewujudan pokok itu membuka satu peluang baharu bagi generasi muda untuk melihat dan menyaksikan secara dekat, warisan ratusan tahun itu.

"Saya berasal dari Kampung Lubuk Paku bersebelahan Kampung Kuala Wau. Dari kecil lagi kami sudah ketahui kewujudan pokok ini tapi tak tahu yang ia berusia ratusan tahun.

"Apabila diberitahu oleh FRIM, perasaan teruja dan bangga hadir kerana bukan mudah untuk menyaksikan pokok setua itu depan mata, yang kita sedia maklum hanya ditemui di dalam hutan besar atau di Taman Negara Pahang.

"Itu pun baru berusia 450 tahun.

Jika usia pokok Tualang di kampung ini disahkan secara rasmi, saya yakin ia adalah pokok tertua yang dijumpai di Pahang atau mungkin di Malaysia," katanya.

Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kuala Wau, Wan Mohamad Lizan Ahmad, 41, berharap kajian dijalankan pihak berkaitan akan terus berjaya dan membuktikan secara saintifik mengenai usia pokok tersebut, sekaligus menjadikannya sebagai mercu tanda keunikan Kampung Kuala Wau.

Difahamkan, pokok Tualang merupakan spesies pokok hutan hujan tropika dalam keluarga *fabaceae* yang banyak didapati di Filipina, Indonesia, Malaysia, dan Thailand.

Pernah kena tembak

Seorang warga emas yang menetap lebih 60 tahun di Kampung Kuala Wau ternyata mempunyai pelbagai cerita mengenai pokok berkenaan untuk dikongsikan kepada generasi kini.

Ishak Md Atan, 65, berkata, ketika zaman pasca merdeka dan kewujudan *home guard* di kampung tersebut, batang bahagian atas pokok Tualang itu pernah ditembak bertubi-tubi.

"Saya rasa lebih ratusan peluru ditembak mengenai batang pokok ini. Mereka memang dibekalkan peluru untuk menembak di sini. Sama ada untuk tujuan berlatih menembak, saya tak pasti...tapi kami orang kampung diberitahu mereka nak bunuh pokok ni. Nak ditebang tak boleh sebab di sebelah sungai ada rumah orang. Jadi mereka tembak. Tapi tak mati.

"Pada zaman pasca merdeka, *home guard* ditempatkan di Kampung Kuala Wau ini sebab komunis masih banyak. Walaupun dah kena tembak, ternyata usia pokok ni masih panjang untuk tatapan anak cucu dan generasi masa kini," katanya.

Sementara itu, Ramli Jais, 75, yang lebih mesra dipanggil Pak

Long berkata, pokok itu menjadi tabu dalam masyarakat sekitar tahun 1940 an, iaitu sesuatu yang menjadi larangan.

"Dulu-dulu sebelum merdeka, orang-orang tua tak bagi kami, budak-budak main kat sini. Dekat pun tak berani, apalagi nak sentuh perdu pokok. Macam-macam ceritalah kononnya... satu cerita yang masih saya ingat, seorang penduduk yang juga ada kaitan persaudaraan dengan saya dikatakan asalnya berkulit putih namun menjadi hitam kerana melakukan pembakaran di perdu pokok ini. Sebab itu ia jadi tabu dalam masyarakat.

"Namun, akar pokok ini besar dan panjang menjalar hingga ke sungai. Kami ambil buat gasing," katanya mengimbas pengalaman dan kenangan manis ketika zaman kanak-kanaknya.

Menurutnya, banyak lagi cerita dan mitos mengenai pokok tua itu, justeru dia berharap khazanah hutan berkenaan dapat dikekalkan dan di-

Usul pokok diwartakan

Sementara itu, Adun Chenor Datuk Mohammed Ismail Ariffin mengusulkan supaya pokok berkenaan diwartakan sebagai khazanah warisan negara.

Mohammed Ismail yang melakukan lawatan rasmi ke kampung tersebut untuk merasmikan menara telekomunikasi kelmarin, turut meluangkan masa melihat dengan lebih dekat Pokok Tualang itu.

Beliau berkata, ia bukan sahaja satu aset dan kebanggaan penduduk kampung malah kepada negeri Pahang dan negara.

Menurutnya, khazanah hutan itu wajar diberikan perhatian dan dipelihara dengan baik.

"Selepas menyaksikan sendiri ternyata saya kagum dengan kewujudan pokok ini. Orang kampung dan penduduk terdekat tak perlu lagi ke Taman Negara atau jauh ke dalam hutan untuk menyaksikan khazanah

Headline	Bakal jadi tarikan unik		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	09 Dec 2016	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	20,000
Page No	40	Readership	60,000
Language	Malay	ArticleSize	688 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,819
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,458

bernilai seperti ini.

"Malah pelajar-pelajar universiti juga boleh melakukan tinjauan untuk tujuan pembelajaran atau kajian dengan lebih mudah.

"Kampung Kuala Wau mempunyai akses internet dan talian telefon yang baik. Kemudahan ini tentu sekali jadi faktor yang kondusif untuk

pelajar melakukan kajian bagi tujuan pembelajaran dan rujukan di sini.

"Apa yang penting, setelah Pokok Tualang ini diwartakan, kebajikan dan kelangsungan hidup pokok ini akan terus terpelihara. Begitu juga usaha-usaha pulihara kawasan sekitarnya supaya menjadi lebih menarik dan cantik, boleh dilakukan," katanya.

“Apabila diberitahu oleh FRIM, per-asaan teruja dan berbangga hadir kerana bukan mudah untuk menyaksikan pokok setua itu depan mata, yang kita sedia maklum hanya ditemui di dalam hutan besar atau di Taman Negara Pahang. Itu pun baru berusia 450 tahun. Jika usia Pokok Tualang di kampung ini disahkan secara rasmi, saya yakin ia adalah Pokok Tertua yang dijumpai di Pahang atau mungkin di Malaysia.” - Mohd Shari



Headline	Bakal jadi tarikan unik		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	09 Dec 2016	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	20,000
Page No	40	Readership	60,000
Language	Malay	ArticleSize	688 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,819
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,458



Mohamed Ismail (kiri) beramah mesra dengan Ramli yang banyak mengetahui kisah pokok Tualang ditemui di Kampung Kuala Wau.